

124 vesel masih belum mendaratkan hasil tangkapan

SH 29/6/2021 Ms: 24

KUANTAN - Masalah kekurangan bekalan ikan segar di sini tidak akan berlaku kerana terdapat 124 vesel daripada vesel pukat tunda, vesel pukat jerut dan vesel bubu masih belum mendaratkan hasil tangkapan mereka.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, Farah Shahadah Zakaria berkata, kapasiti kesemua vesel ini dianggarkan berjumlah 1,067 tan metrik dan mencukupi untuk bekalan sepanjang tujuh hari kompleks LKIM Kuantan ditutup.

Menurutnya, terdapat tiga pasar nelayan di sekitar Kuantan iaitu di Balok, Kempadang dan Sepat menyediakan bekalan terus daripada nelayan Zon A yang menggunakan sampan jenis fiber dan mendaratkan sebanyak empat tan matrik ikan.

“Pasar nelayan ini beroperasi enam hari seminggu, bermula hari Sabtu hingga Khamis dan kita percaya masalah bekalan ikan segar kepada pelanggan tidak terjejas.

“Malah, stok bekalan ikan juga adalah mencukupi dan konsisten dengan bekalan

dan permintaan walaupun dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) bermula 1 Jun lalu dan notis perintah tutup premis kompleks ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau memaklumkan, pada Mei lalu, kompleks LKIM Kuantan telah melakukan pendaratan ikan sebanyak 4,028 tan metrik sebulan dengan nilai RM9,729,310.40 berbanding 57,724.69 tan matrik (RM140,234,051.73) bagi tahun lalu.

Jelasnya, ia mengambil kira pelbagai

spesies ikan seperti aya, selar, selar kuning, tenggiri, kembong, kerisi, seelayang, lolong, pari dan sebagainya.

“Kita jangka harga jualan ikan meningkat sedikit iaitu pada kadar satu hingga lima peratus disebabkan faktor lain iaitu kesukaran pengendalian dan pengedaran ikan yang didaratkan di luar Kompleks LKIM seperti bekalan ais serta kemudahan pendaratan (kren, tong ikan) sepertimana yang disediakan di Kompleks LKIM Kuantan,” ujarnya.